

04 OCT 1996

Mahathir-Bangla

MKN TIMBANG KURANG PENGAMBILAN PEKERJA BANGLA

KUALA LUMPUR, 4 Okt (Bernama) -- Mesyuarat Majlis Keselamatan Negara (MKN) pertengahan bulan ini akan menimbang kemungkinan mengurangkan pengambilan pekerja asing dari Bangladesh untuk bekerja di negara ini, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini.

Dr Mahathir, yang juga Presiden UMNO, mengumumkan demikian selepas mempengerusikan mesyuarat bulanan Majlis Tertinggi UMNO di Menara Datuk Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

"Anggota MT memandang serius masalah sosial yang ditimbulkan oleh pekerja dari negara itu," katanya kepada pemberita.

Pada mesyuarat yang berlangsung kira-kira sejam malam ini, anggota MT memberi pandangan mereka mengenai masalah itu dan menyerahkan kepada MKN untuk mengambil tindakan sewajarnya, katanya.

-- BERNAMA

AH AHH